

**TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA**

**PADA MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ECO
MAJESTIC
DI LEBUHRAYA LEKAS**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Y.A.M. Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin ibni Almarhum Tuanku
Jaafar

Pengarah Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS)

Y.B. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

YBhg. Datuk Wira Hj. Ahmad Bin Hamzah

Pengerusi, Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali
Pengerusi Kumpulan IJM Berhad

YB. Tan Sri Liew Kee Sin
Pengerusi EcoWorld Development Group Berhad

YBhg. Dato' Soam Heng Choon
Ketua Pegawai Operasi Merangkap Pengarah Urusan Kumpulan IJM
Berhad

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ng Chong Yuen
Pengerusi Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd

Pn. Wan Salwani binti Wan Yusoff
Ketua Pegawai Operasi Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd

Dif-dif kehormat, wakil-wakil media, wakil-wakil syarikat konsesi, kakitangan Pemaju, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia, LEKAS dan EcoWorld yang telah sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Persimpangan Bertingkat Eco Majestic, Lebuhraya LEKAS.

2. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuhraya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuhraya yang kemas dan efisien yang digerakkan secara bersama oleh Kerajaan serta pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan kesan yang positif dan jelas. Nyata, penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuhraya. Infrastruktur yang lebih baik khususnya dalam pembangunan lebuhraya baru, terbukti memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan hartanah, perindustrian dan perbandaran.

Dif-dif kehormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

3. Perancangan Kerajaan yang disambut dengan pembangunan-pembangunan pesat serta pertumbuhan baru oleh pihak swasta telah membolehkan satu usaha holistik dan mapan dilaksanakan.

Pembangunan Ecomajestic ini dilihat dapat memberikan *spill over effect* kepada pembangunan ekonomi di kawasan Semenyih.

4. Dengan adanya persimpangan bertingkat ini, bukan sahaja dapat memudahkan aksesibiliti untuk orang ramai, malahan perjalanan dipendekkan, pemandu juga dapat menjimatkan masa, menjimatkan kos seperti bahan bakar atau minyak kenderaan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos selenggaraan kenderaan. Ia selaras dengan motto “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat” Kementerian Kerja Raya yang amat peka terhadap isu dan keperluan masyarakat.

5. Terima kasih atas komitmen pemaju perumahan EcoWorld dalam membangunkan infrastruktur di kawasan perumahan baru. Pembangunan ini turut memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat. Dengan adanya persimpangan ini, ia memudahkan perjalanan penduduk di sekitar seperti Kampung Rinching Tengah, Kampung Sungai Rinching, Taman Pelangi Semenyih 2 dan Kawasan Perindustrian Beranang. Dengan kos pembinaan kira-kira RM50 juta, persimpangan bertingkat Eco Majestic ini sudah pastinya akan menjana kemajuan di kawasan-kawasan sekitar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Plaza Tol di Persimpangan Bertingkat Eco Majestic ini akan beroperasi secara sistem kutipan tol berelektronik (Electronic Toll Collection-ETC) sepenuhnya. Plaza tol ini telah dipasang lorong mod campuran iaitu TNG & RFID dan lorong RFID khusus untuk kedua-dua arah. Sistem Frekuensi Radio atau RFID sedang menjalani *Proof of*

Concept (POC) bagi meneliti aspek teknikal sistem kutipan tol elektronik sebelum memutuskan untuk perlaksanaan secara rasmi. Lebuhraya LEKAS juga telah melaksanakan percubaan (POC) bagi sistem RFID ini di beberapa lokasi plaza tol iaitu Plaza Tol Kajang Selatan, Plaza Tol Semenyih dan Plaza Tol Pajam sejak tahun 2015. Bagaimanapun sistem ini masih dalam tempoh percubaan perlaksanaan untuk dinilai hasilnya.

7. Untuk makluman para hadirin sekalian, pada ketika ini, sebanyak 31 buah lebuhraya yang melibatkan 69 plaza tol telah melaksanakan sistem kutipan ETC sepenuhnya sejak 16 Disember 2008 sehinggalah pada 1 Jun 2016 yang lalu.

8. Sehubungan itu, bagi memudahkan pengguna lebuhraya, kawasan rehat sebelah persimpangan bertingkat ini juga mempunyai kemudahan kaunter pandu lalu (*drive thru*) lorong tambah nilai TNG yang pertama di Malaysia.

9. Untuk makluman, kawasan plaza tol bagi Persimpangan Bertingkat Eco Majestic ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tandas awam, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain untuk memberi keselesaan kepada orang ramai. Saya dengan ini ingin mengumumkan Persimpangan Eco Majestic ini akan dibuka kepada umum pada 19 Oktober, 11 malam. Manakala kadar tol akan dikenakan mengikut kadar tol semasa iaitu RM0.1811sen/km bagi kenderaan Kelas 1.

10. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, LEKAS, Eco World dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Eco Majestic ini. Saya percaya, kerjasama pintar seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada semua pihak terbabit malah yang lebih utama, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk sekitar kawasan ini terjamin, In shaa Allah.

11. Dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.